

**GAYA PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN  
PELAJAR KURANG UPAYA TUMPUAN DAN  
HIPERAKTIF (ADHD)**

**ROSHIZA BINTI ABDUL WAHAB**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2015**

**GAYA PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN  
PELAJAR KURANG UPAYA TUMPUAN DAN  
HIPERAKTIF (ADHD)**

Oleh

**ROSHIZA BINTI ABDUL WAHAB**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**FEBRUARI 2015**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke Hadrat Ilahi dalam memberi petunjuk, rahmat dan keizinanNya, maka saya memperolehi ketabahan untuk menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Saya mengambil kesempatan melalui ruangan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr Mohd Zuri Bin Ghani selaku Penyelia Utama serta Prof. Madya Dr Hairul Nizam Bin Ismail selaku Penyelia Bersama atas segala nasihat, bimbingan, tunjuk ajar dan dorongan yang telah dicurahkan sepanjang penyelidikan ini.

Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada keluarga terutamanya suami iaitu Encik Ahmad Radzuan bin Ismail, ibu, ibu mertua dan anak-anak iaitu Ahmad Syarifuddin, Ahmad Wazif Qayyum, Ahmad Haziq Aiman dan Ahmad Zafri Uzair serta seluruh ahli keluarga yang telah banyak memberi semangat dan dorongan sepanjang pengajian saya. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Universiti Sains Malaysia terutamanya kakitangan di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, pihak Institusi Pengajian Siswazah, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Seterusnya, saya ucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Tajaan kerana meluluskan cuti belajar melalui program Hadiah Latihan Persekutuan. Akhir sekali, tidak lupa kepada semua rakan seperjuangan yang sentiasa memberi motivasi dan menjadi inspirasi bagi menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Segala jasa baik daripada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini akan saya kenangi dan semoga Allah SWT membalas budi baik mereka dengan mengurniakan rahmat dan sejahtera. Insya-Allah, wassalam.

# KANDUNGAN

## Muka Surat

<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>ABSTRAK</b>	xvii
<b>ABSTRACT</b>	xviii
<b>BAB I        PENGENALAN</b>	
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Latar Belakang Kajian	4
1.3    Kepentingan Kajian	9
1.4    Rasional Kajian	14
1.5    Pernyataan Masalah	17
1.6    Objektif Kajian	23
1.7    Persoalan Kajian	25
1.8    Hipotesis Kajian	27
1.9    Batasan Kajian	31
1.10   Kerangka Konseptual Kajian	33

1.11	Definisi Operasional	35
1.11.1	Pelajar ADHD	35
1.11.2	Gaya Pembelajaran	37
1.11.3	Kesepaduan Gaya Pembelajaran	45
1.11.4	Tingkah Laku Pembelajaran	45
1.12	Kesimpulan	47

## **BAB II            TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	49
2.2	Kurang Upaya Tumpuan dan Hiperaktif (ADHD)	49
2.3	Sejarah ADHD	53
2.4	Punca-punca ADHD (Etiologi)	58
2.5	Kesan ADHD	63
2.6	Diagnosis ADHD	67
2.7	Rawatan Untuk ADHD	71
2.8	Gaya pembelajaran	74
2.9	Pelajar ADHD dan Gaya Pembelajaran	78
2.10	Kajian-kajian Tentang Gaya Pembelajaran	81
2.10.1	Kepentingan Gaya Pembelajaran	82
2.10.2	Faktor demografi dan gaya pembelajaran	84
2.10.3	Elemen gaya pembelajaran	87
2.10.4	Konstruk-konstruk lain berkaitan gaya pembelajaran	90
2.11	Tingkah Laku Pembelajaran	92
2.12	Teori dan Model Pembelajaran Berkaitan Gaya Pembelajaran	95

2.12.1	Teori Kecerdasan Pelbagai	96
2.12.2	Teori Pembelajaran Gagne	100
2.12.3	Model Memproses Maklumat	104
2.12.4	Model Gaya Pembelajaran oleh Dunn dan Dunn	106
2.13	Kerangka Teoretikal Kajian	111
2.14	Kesimpulan	116

### **BAB III      METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	117
3.2	Reka Bentuk Kajian	117
3.2.1	Kaedah Tinjauan	121
3.2.2	Kaedah Pemerhatian	124
3.2.3	Kaedah Temu Bual	132
3.3	Populasi dan Persampelan	134
3.3.1	Kaedah Persampelan	137
3.3.1.1	Persampelan Kluster	137
3.3.1.2	Persampelan Bertujuan	141
3.3.2	Saiz Sampel	142
3.4	Pemboleh Ubah Kajian	143
3.5	Instrumen Kajian	145
3.5.1	Instrumen Soal Selidik	146
3.5.2	Borang Senarai Semak Pemerhatian	151

3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	153
3.6.1	Kesahan	153
3.6.2	Kebolehpercayaan	155
3.7	Kajian Rintis	157
3.8	Prosedur kajian	160
3.9	Prosedur Analisis Data	165
3.9.1	MANOVA	167
3.9.2	Korelasi <i>Pearson Product-Moment</i>	168
3.9.3	Analisis Regresi Pelbagai	172
3.9.4	Data Kualitatif	176
3.10	Kesimpulan	177

#### **BAB IV      DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	178
4.2	Dapatan Kajian Kuantatif	179
4.2.1	Profil Demografi Responden Kajian Tinjauan	179
4.2.2	Prestasi Kognitif Pelajar ADHD	184
4.2.3	Analisis Statistik Deskriptif	185
4.2.3.1	Unsur Persekitaran	185
4.2.3.2	Unsur Emosional	186
4.2.3.3	Unsur Sosiologi	187
4.2.3.4	Unsur Fisiologi	188
4.2.3.5	Unsur Perseptual	189
4.2.3.6	Unsur Psikologi	190

4.2.4	Analisis Statistik Inferensi	191
4.2.4.1	Analisis MANOVA – Faktor jantina, etnik dan SES	192
4.2.4.2	Analisis MANOVA – Faktor pendidikan ibu bapa	198
4.2.4.3	Analisis Kolerasi Pearson	203
4.2.4.4	Analisis Regresi Berganda	224
4.3	Dapatan Kajian Kualitatif	227
4.3.1	Kaedah Pemerhatian	227
4.3.2	Kaedah Temu Bual	254
4.3.3	Rumusan Dapatan Kualitatif	269
4.4	Kesimpulan	270
<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN DAN RUMUSAN</b>	
5.1	Pendahuluan	272
5.2	Rumusan Kajian	273
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	278
5.3.1	Profil Pelajar ADHD di Sekolah Menengah	279
5.3.2	Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar ADHD	281
5.3.3	Kesepaduan Gaya Pembelajaran Ke Atas Tingkah Laku Pembelajaran Pelajar ADHD	287
5.3.3.1	Tingkah laku pembelajaran positif	288
5.3.3.2	Tingkah laku pembelajaran negatif	292
5.3.3.3	Gaya Pembelajaran mengikut pendapat guru Pendidikan Khas	294
5.3.4	Elemen-elemen gaya pembelajaran lain	298



5.3.5	Kesan Faktor Demografi Ke Atas Gaya Pembelajaran Pelajar ADHD	307
5.3.5.1	Dapatan kajian bagi kesan faktor jantina	308
5.3.5.2	Dapatan kajian bagi kesan faktor etnik	309
5.3.5.3	Dapatan kajian bagi kesan faktor SES	310
5.3.6	Kesan Faktor Pendidikan Ibu Bapa Ke Atas Gaya Pembelajaran Pelajar ADHD	311
5.3.7	Hubungan Antara Faktor Umur dan Faktor Prestasi Kognitif Dengan Gaya Pembelajaran Pelajar ADHD	312
5.3.7.1	Hubungan antara faktor umur dengan unsur gaya pembelajaran	312
5.3.7.2	Hubungan antara faktor prestasi kognitif dengan unsur gaya pembelajaran	316
5.3.8	Pengaruh Faktor Umur Dan Faktor Prestasi Kognitif Ke Atas Gaya Pembelajaran	322
5.4	Rumusan Kajian	324
5.5	Implikasi Kajian	329
5.5.1	Perancangan dan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.	329
5.5.2	Pembangunan prasarana pendidikan.	331
5.5.3	Pembentukan sikap dan nilai pelajar ADHD.	332
5.5.4	Impak kepada fungsional para guru.	333
5.5.5	Impak kepada fungsional ibu bapa	334

5.5.6	Impak kepada perencanaan dasar dan kandungan pendidikan khas di negara ini	336
5.5.7	Impak kepada penyelidikan pada masa depan	338
5.6	Sumbangan Dapatan Kajian	338
5.6.1	Unsur persekitaran	339
5.6.2	Unsur Emosional	340
5.6.3	Unsur Sosiologi	341
5.6.4	Unsur Fisiologi	342
5.6.5	Unsur Perseptual	343
5.6.6	Unsur Psikologi	343
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	344
5.8	Kesimpulan	347
	<b>RUJUKAN</b>	349
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
Jadual 2.1	Menunjukkan terminologi sejarah ADHD	58
Jadual 2.2	Pencapaian prestasi pelajar ADHD	72
Jadual 3.1	Skala Likert 5 Tahap bagi menilai Gaya Pembelajaran	151
Jadual 3.2	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Bagi Ukuran Item Prestasi Kognitif, Ciri-ciri ADHD dan Gaya Pembelajaran	160
Jadual 3.3	Inteprestasi nilai skor min	166
Jadual 3.4	Pengkelasan Tafsiran Pekali Korelasi	172
Jadual 3.5	Rumusan bagi penggunaan statistik untuk setiap objektif kajian	175
Jadual 3.6	Intepretasi kekerapan tingkah laku pembelajaran	177
Jadual 4.1	Profil Demografi Responden Kajian Mengikut Jantina Bagi Pelajar ADHD	180
Jadual 4.2	Profil Demografi Responden Kajian Mengikut Umur Bagi Pelajar ADHD	180
Jadual 4.3	Profil Demografi Responden Kajian Mengikut Etnik Bagi Pelajar ADHD	181
Jadual 4.4	Profil Demografi Responden Kajian Mengikut Lokasi Sekolah Bagi Pelajar ADHD	182
Jadual 4.5	Profil Demografi Responden Kajian Mengikut Negeri Bagi Pelajar ADHD	183
Jadual 4.6	Profil Demografi Responden Kajian Mengikut SES Bagi Pelajar ADHD	184
Jadual 4.7	Prestasi Kognitif Bagi Pelajar ADHD di sekolah menengah	185
Jadual 4.8	Skor Min Unsur Persekitaran Bagi Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar ADHD di Sekolah Menengah	186

Jadual 4.9	Skor Min Unsur Emosional Bagi Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar ADHD di Sekolah Menengah	187
Jadual 4.10	Skor Min Unsur Sosiologi Bagi Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar ADHD di Sekolah Menengah	188
Jadual 4.11	Skor Min Unsur Fisiologi Bagi Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar ADHD di Sekolah Menengah	189
Jadual 4.12	Skor Min Unsur Perseptual Bagi Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar ADHD di Sekolah Menengah	190
Jadual 4.13	Skor Min Unsur Psikologi Bagi Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar ADHD di Sekolah Menengah	191
Jadual 4.14	Keputusan ujian <i>Box's M</i> Bagi Kesamaan Kovarians Ujian MANOVA	192
Jadual 4.15	Keputusan analisis MANOVA ke atas gaya pembelajaran pelajar ADHD mengikut jantina, etnik dan SES	193
Jadual 4.16	<i>Test of Between-Subjects effects</i> bagi faktor jantina, etnik dan SES	197
Jadual 4.17	Keputusan ujian <i>Box's M</i> Bagi Kesamaan Kovarians Ujian MANOVA	199
Jadual 4.18	Keputusan analisis MANOVA ke atas gaya pembelajaran pelajar ADHD mengikut jantina, etnik dan SES	200
Jadual 4.19	<i>Test of Between-Subjects effects</i> bagi faktor pendidikan bapa dan pendidikan ibu	203
Jadual 4.20	Hubungan antara unsur persekitaran dengan umur bagi pelajar ADHD di sekolah menengah	204
Jadual 4.21	Hubungan antara unsur emosional dengan faktor umur bagi pelajar ADHD di sekolah menengah	206
Jadual 4.22	Hubungan antara unsur sosiologi dengan faktor umur bagi pelajar ADHD di sekolah menengah	207

Jadual 4.23	Hubungan antara unsur fisiologi dengan faktor umur bagi pelajar ADHD di sekolah menengah	208
Jadual 4.24	Hubungan antara unsur perseptual dengan faktor umur bagi pelajar ADHD di sekolah menengah	210
Jadual 4.25	Hubungan antara unsur psikologi dengan faktor umur bagi pelajar ADHD di sekolah menengah	211
Jadual 4.26	Hubungan antara unsur persekitaran dengan faktor prestasi kognitif bagi pelajar ADHD di sekolah menengah	213
Jadual 4.27	Hubungan antara unsur emosional dengan faktor prestasi kognitif bagi pelajar ADHD di sekolah menengah	215
Jadual 4.28	Hubungan antara unsur sosiologi dengan faktor prestasi kognitif bagi pelajar ADHD di sekolah menengah	217
Jadual 4.29	Hubungan antara unsur fisiologi dengan faktor prestasi kognitif bagi pelajar ADHD di sekolah menengah	219
Jadual 4.30	Hubungan antara unsur perseptual dengan prestasi kognitif bagi pelajar ADHD di sekolah menengah	221
Jadual 4.31	Hubungan antara unsur psikologi dengan faktor prestasi kognitif bagi pelajar ADHD di sekolah menengah	223
Jadual 4.32	Analisis regresi berganda pemboleh ubah umur dan prestasi kognitif terhadap gaya pembelajaran pelajar ADHD di sekolah menengah	225
Jadual 4.33	Analisis Profil Peserta Kajian Bagi Kajian Gaya Pembelajaran pelajar ADHD di sekolah	227
Jadual 4.34	Analisis kekerapan kesepaduan gaya pembelajaran ke atas tingkah laku pembelajaran positif pelajar ADHD di sekolah menengah	229
Jadual 4.35	Analisis kekerapan kesepaduan gaya pembelajaran ke atas tingkah laku pembelajaran negatif pelajar ADHD di sekolah menengah	234

Jadual 4.36	Analisis kajian pemerhatian item-item gaya pembelajaran lain yang mendominasi tingkah laku pembelajaran pelajar ADHD di sekolah menengah	238
Jadual 4.37	Profil peserta kaedah temu bual	255
Jadual 5.1	Hubungan Antara Faktor Umur Dengan Unsur Gaya Pembelajaran	288
Jadual 5.2	Hubungan Antara Faktor Prestasi Kognitif Dengan Unsur Gaya Pembelajaran	294

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	34
Rajah 2.1	Menerangkan tentang kisah “Fidgety Phil” yang tidak tahu duduk diam dan memalukan ibu bapanya yang merujuk kepada ciri-ciri kanak-kanak ADHD	54
Rajah 2.2	Menunjukkan perbandingan antara otak individu ADHD dan bukan individu ADHD ( <i>PET scan</i> )	57
Rajah 2.3	Kategori Pembelajaran Manusia	100
Rajah 2.4	Hierarki Pembelajaran Gagne	101
Rajah 2.5	Model Pemprosesan Maklumat Gagne	103
Rajah 2.6	Model Memproses Maklumat	105
Rajah 2.7	Elemen-elemen Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn	109
Rajah 2.8	Kerangka Teoretikal Kajian	115
Rajah 3.1	Langkah pelaksanaan kaedah pemerhatian	127
Rajah 3.2	Reka bentuk persampelan kluster bagi kajian	140
Rajah 3.3	Prosedur Menjalankan Kajian Rintis	158
Rajah 3.4	Prosedur Menjalankan Kajian	162
Rajah 3.5	Tatacara Kaedah Pemerhatian	164
Rajah 5.1	Pola gaya pembelajaran pelajar ADHD	328

## SENARAI SINGKATAN

ADHD	Kurang upaya tumpuan dan hiperaktif
DSM-II	<i>Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders</i>
FEAT	<i>fMRI Expert Analysis Tool</i>
MRI	<i>Magnetic Resonance Imaging</i>
NIMH	Institut Kesihatan Mental Kebangsaan
ODD	<i>Oppositional defiant disorder</i>
PET	<i>Position Emission Tomography</i>
TBG	Temu bual guru



## **SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN A - Soal Selidik Gaya Pembelajaran

LAMPIRAN B - Borang Senarai Semak Pemerhatian Gaya Pembelajaran

LAMPIRAN C - Protokol Temu Bual

LAMPIRAN D - Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)

LAMPIRAN E - Surat Kebenaran Menjalankan Dari Jabatan Pendidikan Negeri

LAMPIRAN F – Senarai Artikel dan Buku Berkaitan Yang Telah Diterbitkan

# **GAYA PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN PELAJAR KURANG UPAYA TUMPUAN DAN HIPERAKTIF (ADHD)**

## **ABSTRAK**

Gaya pembelajaran merupakan indikator penting untuk meningkatkan kualiti pembelajaran seseorang pelajar. Kajian telah dijalankan bertujuan untuk menganalisis gaya pembelajaran paling dominan dalam kalangan pelajar ADHD. Soal selidik digunakan untuk memperoleh data dan seramai 235 responden dinilai oleh guru pelajar berkenaan dengan menjawab borang soal selidik. Manakala, kaedah pemerhatian menggunakan senarai semak pemerhatian dan protokol temu bual digunakan bagi mengumpul data kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kesepaduan gaya pembelajaran ke atas tingkah laku pembelajaran positif pelajar ADHD iaitu kemahiran memberi tumpuan, memberi kerjasama dan berupaya melengkapkan tugas. Dapatan kajian juga menunjukkan elemen yang paling mendominasi tingkah laku pembelajaran pelajar ADHD adalah elemen motivasi. Di samping itu, dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat kesan yang signifikan faktor jantina, etnik dan SES ke atas gaya pembelajaran pelajar ADHD. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan prestasi kognitif ke atas gaya pembelajaran pelajar ADHD. Seterusnya, dapatan kajian membuktikan bahawa faktor prestasi kognitif adalah merupakan faktor utama kepada penentuan gaya pembelajaran pelajar ADHD, manakala ciri-ciri ADHD berupaya memodifikasi kekuatan hubungan antara faktor umur dan faktor prestasi kognitif ke atas gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar ADHD.

# **LEARNING STYLES AMONG STUDENT'S WITH ADHD**

## **ABSTRACT**

Learning style is an important indicator to improve the quality of student learning. The study was conducted to analyze the most dominant learning styles among students with ADHD. Questionnaires were used to obtain data and a total of 235 respondents rated by their teachers by answering the questionnaire. Meanwhile, the observation method using the observation checklist and interview protocol used to collect qualitative data. The results showed that the integration of learning styles on students' positive learning behaviors of ADHD. The findings also show that the most dominating elements of student learning behaviors of ADHD is an emotional element. In addition, the study also found no significant effect of gender, ethnicity and SES on students' learning style. The study also showed a significant relation to cognitive performance on ADHD students' learning styles. The study shows that cognitive performance is a key factor to determine the ADHD students' learning styles, while the characteristics of ADHD are able to modify the strength of the correlation between age and cognitive performance factors on learning styles in students with ADHD.

## **BAB I**

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Sistem pendidikan yang terbaik menyediakan pendidikan yang terbaik kepada setiap kanak-kanak tanpa mengira etnik, tempat, atau latar belakang sosioekonomi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Aspirasi tersebut selaras dengan definisi Pendidikan Khas yang merujuk pada satu pendekatan, rancangan pendidikan, strategi, kaedah dan teknik untuk mengajar pelajar-pelajar istimewa kerana mereka tidak berupaya untuk mencapai target yang sepatutnya daripada program sekolah aliran perdana (Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad, 2011a). Ini menjelaskan bahawa matlamat program pendidikan khas adalah untuk menyediakan perkembangan yang optimum kepada pelajar bermasalah pembelajaran agar mereka dapat menjalani kehidupan sebagai individu yang berkemahiran, berdikari, berhaluan, boleh merancang, mengurus kehidupan harian, dan boleh menyesuaikan diri dengan masyarakat. Falsafah ini juga menegaskan peluang mengembangkan intelektual, afektif dan kemahiran psikomotor, aspek moral, pembentukan personaliti dan perkembangan estetika serta perkembangan sumber manusia bersesuaian dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan negara. Ini adalah bertepatan dengan matlamat pendidikan khas yang antaranya bertujuan untuk menyuburkan intelek, emosi, sosial dan jasmani serta

kekuatan-kekuatan pelajar bermasalah pembelajaran (Chua Tee Tee & Koh Boh Boon, 1992).

Langkah ke arah mencapai matlamat tersebut telah ditafsirkan dalam Akta Pendidikan 1996 menerusi program pendidikan khas yang terbahagi kepada sekolah khas, program percantuman dan program pendidikan inklusif. Sejak dimulakan pada tahun 1988, program percantuman atau juga program integrasi di sekolah-sekolah harian berkembang dengan pesat. Program integrasi tersebut dilaksanakan dengan menempatkan pelajar bermasalah pembelajaran iaitu pelajar yang mempunyai ketidakupayaan pembelajaran yang khas merujuk kepada satu atau lebih gangguan atau kecelaruan dalam aspek psikologikal asas yang melibatkan pemahaman atau penggunaan bahasa, sama ada lisan ataupun tulisan (*The Individuals with Disabilities Education Act* (IDEA) atau Public Law 101-476 dalam Jansma & French, 1994; Yesseldyke, Algozzine & Thurlow, 2000). Gangguan atau kecelaruan tersebut dapat dikesan melalui tahap pencapaian kemahiran mendengar, berfikir, bertutur, membaca, menulis, mengeja dan mengira pada kalangan pelajar bermasalah pembelajaran. Golongan pelajar bermasalah pembelajaran yang dimaksudkan terdiri daripada pelajar kurang upaya tumpuan dan hiperaktif (ADHD), sindrom down, lambat perkembangan, autism, disleksia, serebral palsy, terencat akal, dan sawan.

Menurut Zuhayati Yazid (2010), Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 1996 mendapati 333,000 kanak-kanak atau 4.3 peratus kanak-kanak mengalami masalah ADHD. Kanak-kanak tersebut merupakan golongan pelajar ADHD yang mengalami ketidakseimbangan sistem neuro di dalam otak yang menjadikan mereka sukar mengawal diri. Mereka juga menghadapi masalah untuk memproses maklumat dengan

berkesan. Kekurangan seperti ini menyebabkan mereka memerlukan amalan sekolah atau perkhidmatan pendidikan khas yang disesuaikan mengikut tahap keperluan dan kemampuan khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997). Menerusi pengubahsuaian dalam proses dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan, adalah diharapkan dapat mengembangkan kemampuan pelajar ADHD dalam program bermasalah pembelajaran sehingga mencapai tahap maksimum. Perkembangan ini bermatlamat supaya mereka dapat menikmati hidup yang setanding dengan pelajar normal. Namun begitu pengubahsuaian tersebut perlu mengambil kira kekuatan dan kekurangan yang dimiliki pelajar ADHD dan perkara ini ada kaitannya dengan aspek gaya pembelajaran mereka yang berbeza-beza.

Gaya pembelajaran merujuk kepada cara individu bertindakbalas dengan persekitarannya bagi mendapatkan dan memahami maklumat baru. Menurut Dunn dan Dunn (1993), gaya pembelajaran adalah set biologikal dan perkembangan ciri-ciri individu bagi mengenal pasti pengajaran yang berkesan atau tidak berkesan kepada kebanyakan pelajar. Aspek ini menjadi cabaran kepada pendidikan pelajar bermasalah pembelajaran khususnya pelajar ADHD yang mempamerkan kombinasi ketidakupayaan dalam dua dimensi iaitu fungsi kognitif dan tingkahlaku melibatkan kurang tumpuan, impulsif dan tingkahlaku hiperaktif (Barkley, 1998). Justeru itu, pengenalanpastian gaya pembelajaran pelajar ADHD adalah penting bagi memastikan guru memberi pengajaran yang bertepatan dengan cara, keperluan dan kemampuan mereka belajar. Dengan kata lain, perancangan dan pelaksanaan strategi pengajaran akan lebih berkesan apabila mengambil kira gaya pembelajaran pelajar sebagai langkah memastikan pelajar ADHD

dapat belajar dalam lingkungan kemampuan mereka dan mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Pendidikan merupakan satu bidang yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Bidang ini telah menjadi keutamaan dalam peranan seseorang guru yang merujuk kepada tanggungjawab yang utama iaitu memastikan semua pelajar menerima pengajaran yang berkesan seterusnya agar pelajar dapat belajar dengan cemerlang. Transformasi pendidikan telah membawa banyak perubahan termasuk kesedaran dan persepsi guru-guru yang semakin menyedari pentingnya mereka mengenal pasti bagaimana proses pembelajaran dan gaya pembelajaran seseorang pelajar itu berlaku. Kesedaran ini wujud daripada aspirasi seseorang guru itu bagi mempertingkatkan kualiti pengajarannya dan seterusnya meningkatkan kualiti tingkah laku pembelajaran seseorang pelajar dengan lebih baik dan akhirnya dapat mempertingkatkan kualiti pencapaian pelajar. Ini bererti antara cabaran utama pendidikan khas khususnya program bermasalah pembelajaran pada masa kini adalah untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar bermasalah pembelajaran khususnya pelajar ADHD agar proses pengajaran dapat disampaikan sepadan dengan gaya pembelajaran pelajar-pelajar tersebut.

Bermasalah pembelajaran merangkumi pelbagai ketidakupayaan yang menyebabkan pelajar-pelajar bermasalah pembelajaran yang juga terdiri daripada

pelajar ADHD adalah lambat berkembang bagi mencapai perkembangan yang normal. Walaupun dunia pendidikan barat bertelagah tentang kategori pelajar ADHD yang tidak dikategori sebagai pelajar bermasalah pembelajaran, namun terdapat banyak pendapat menyatakan bahawa pelajar ADHD turut mengalami masalah dalam pembelajaran. Selaras dengan pendapat Turkington dan Harris (2003), yang menyatakan kebanyakan pelajar ADHD mengalami masalah dalam pembelajaran. Di samping itu, pelajar ADHD juga mempamerkan simptom-simptom ketidakupayaan seperti sukar memberi tumpuan dalam tempoh tertentu, gagal mematuhi arahan, bertindak tanpa berfikir, bergerak secara keterlaluan dan sukar duduk di satu-satu tempat dalam tempoh yang panjang. Merujuk kepada ketidakupayaan tersebut yang menjadi halangan kepada pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran, Jamila K. A. Ahmad (2005), berpendapat pelajar-pelajar ini memerlukan kurikulum yang khusus dan kaedah pengajaran yang sesuai dengan ketidakupayaan mereka. Permasalahan ini pastinya dapat diatasi dengan cara mengenalpasti dan memberi penekanan kepada gaya pembelajaran pelajar-pelajar tersebut.

Gaya pembelajaran terbentuk kerana proses pembelajaran adalah proses yang kompleks. Menurut Mohd Sharani Ahmad (2004), proses pembelajaran adalah suatu aktiviti yang kompleks kerana banyak perkara sebenarnya berlaku serentak pada masa yang sama. Pembelajaran lebih merujuk kepada perubahan tingkah laku (Hergenhahn & Olson, 2001). Menurut Hergenhahn dan Olson (2001), pembelajaran dapat dilihat melalui proses berikut:

- (a) Pertama iaitu pembelajaran adalah indeks perubahan dalam tingkah laku. Dengan lain perkataan, pembelajaran mestilah diterjemahkan ke atas tingkah



laku yang ditunjukkan. Selepas pembelajaran, seseorang itu berkemampuan melakukan sesuatu yang tidak diketahuinya sebelum melalui proses pembelajaran.

- (b) Kedua iaitu perubahan tingkah laku adalah berubah kekal secara relatif.
- (c) Ketiga iaitu perubahan tingkah laku tidak semestinya berubah sebaik sahaja pembelajaran berlaku.
- (d) Keempat iaitu perubahan tingkah laku (potensi tingkah laku) ditunjukkan daripada pengalaman dan perlakuan.
- (e) Kelima iaitu pengalaman dan perlakuan mestilah lebih mantap sebagai maklum balas yang memandu kepada ganjaran daripada apa yang dipelajari.

Bagi mencapai pembelajaran yang optimum iaitu pemerolehan maklumat baru, memproses maklumat dan seterusnya memberi kesan kepada perubahan tingkah laku adalah signifikan dengan cara atau gaya pembelajaran seseorang itu. Banyak penyelidik telah mendapati bahawa gaya pembelajaran memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Menurut Dunn (1984), gaya pembelajaran ialah cara seseorang pelajar mendapatkan dan mengekalkan maklumat atau kemahiran, tidak kira bagaimana proses tersebut diperihalkan, ia adalah berbeza bagi setiap orang. Gaya pembelajaran bergantung kepada ciri-ciri biologi dan perkembangan sahsiah seseorang dan ia dipengaruhi oleh persekitaran, emosi, pengaruh sosial serta perasaan individu (Dunn, 1984). Kesannya, sama ada sesuatu proses pengajaran efektif dan bermanfaat atau sebaliknya adalah dipengaruhi oleh cara atau gaya pembelajaran pelajar yang berbeza dan pelbagai.

Di samping itu, pembelajaran adalah proses yang berlaku sama ada secara sedar atau tidak, dengan lain perkataan maklumat dikumpul dan diterjemahkan mengikut gaya pembelajaran seseorang oleh tingkah laku pembelajaran seseorang pelajar itu. Impak daripada pergantungan kepada ciri-ciri biologi dan perkembangan sahsiah menjadikan keberkesanan dan kebolehan belajar seseorang adalah berbeza yang dizahirkan menerusi manifestasi tingkah laku pembelajaran. Seperti lazimnya, pelajar yang mengalami gangguan neuro seperti pelajar ADHD akan turut mengalami gangguan pembelajaran. Pelajar ADHD lazimnya tidak dapat mengikuti pelajaran yang diajar oleh guru yang menggunakan kaedah dan prosedur pengajaran yang biasa disebabkan jangka penumpuan yang pendek dan kurang berkebolehan memahami maklumat yang mereka pelajari (Mohd Sharani Ahmad, 2004). Ini menjelaskan bahawa ciri-ciri ADHD telah menyebabkan pelajar ADHD mempunyai kesukaran dalam aktiviti pembelajaran khususnya merujuk kepada kemahiran menguasai bahasa atau kemahiran-kemahiran lain seperti membaca, menulis, dan mengira.

Seterusnya, Barkley (1998) menjelaskan bahawa ADHD adalah label diagnostik bagi pelajar yang menunjukkan permasalahan yang signifikan dengan kurang tumpuan, impulsif dan hiperaktif. Sementara itu, menurut Turkington dan Harris (2003), 20 peratus daripada pelajar-pelajar dikategorikan sebagai bermasalah pembelajaran yang mempunyai kurang upaya berkaitan keupayaan untuk memfokuskan tumpuan mereka. Dimensi ketidakupayaan yang merujuk kepada kurang tumpuan, impulsif dan hiperaktif berkemungkinan mempengaruhi gaya pembelajaran seseorang pelajar. Walau bagaimanapun, ketidakupayaan tersebut tidak menjadi halangan mutlak untuk menjalani

proses pembelajaran kerana terdapat beberapa elemen yang turut mempengaruhi atau memberi kekuatan dalam proses pembelajaran.

Menurut Dunn dan Dunn (1993) elemen-elemen tersebut ialah:

- (a) Unsur persekitaran merangkumi elemen bunyi, cahaya, suhu dan rekabentuk;
- (b) Unsur emosional merangkumi elemen motivasi, ketekalan, tanggungjawab, dan penstrukturan atau fleksibel;
- (c) Unsur sosiologi merangkumi diri sendiri, pasangan, rakan sebaya, pasukan, dewasa, atau pelbagai;
- (d) Unsur fisiologi merangkumi elemen kekuatan pancaindera, makan minum, masa, dan mobiliti;
- (e) Unsur psikologi merangkumi elemen analitik/global, impulsif/reflektif, dan dominan otakkira/dominan otak kanan.

Sementara itu, Dunn dan Dunn (1978) telah menganalisis kajian lain dan membuat kesimpulan bahawa tindakan mengenal pasti pelajar menerusi gaya pembelajaran mereka, boleh membantu pelajar-pelajar mencapai skor yang tinggi dalam ujian, mempunyai sikap yang lebih baik dan lebih efisien serta memudahkan para guru melaksanakan pengajaran mereka. Tambahan pula, pengetahuan tentang gaya pembelajaran seseorang pelajar akan memberi kelebihan kepada guru untuk mengajar dan menguji pelajar mereka berlandaskan gaya pembelajaran pelajar-pelajar tersebut. Maklumat ini pastinya dapat menjadi landasan kepada guru untuk menangani pelajar ADHD yang sudah dikenalpasti mengganggu rutin kelas dan memerlukan perhatian yang lebih khusus. Oleh yang demikian, walaupun gaya pembelajaran digarap berbeza

dalam kalangan pelajar di dalam bilik darjah, guru-guru patut cuba untuk membuat perubahan dalam kelas mereka yang akan memberi faedah kepada setiap gaya pembelajaran pelajar.

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Pelajar ADHD merupakan kelompok pelajar bermasalah pembelajaran yang memerlukan metodologi pengajaran untuk menggalakkan mereka belajar dengan lebih baik dan ini bergantung pada keupayaan guru mengenal pasti gaya pembelajaran mereka. Adalah penting memahami bagaimana aspek hiperaktif, kurang upaya tumpuan dan impulsif mempengaruhi tingkah laku pembelajaran pelajar ADHD agar guru dapat memilih strategi yang sesuai untuk menangani permasalahan ini. Oleh itu, apabila pelajar diajar dengan cara yang membuatkan mereka mudah memperoleh dan memahami maklumat, pembelajaran akan lebih menyeronokkan dan berkesan. Jika guru memahami bagaimana pelajar ADHD belajar dengan lebih baik, mereka akan dapat merekabentuk pengajaran yang lebih bermakna dan menyeronokkan.

Peranan seseorang guru tidak hanya menyampaikan pengajaran semata-mata tetapi bertanggungjawab memastikan sesi pengajaran tersebut memberi makna dan berkesan kepada pelajar-pelajarnya. Para guru perlu memahami bagaimana kecenderungan setiap pelajarnya itu belajar. Menurut Shahabuddin Hashim dan Rohizani Yaakub (2003), para guru perlu menyediakan suasana pembelajaran yang selari dengan kehendak sesuatu gaya pembelajaran pelajar. Jadi, bagi memastikan

kehendak gaya pembelajaran pelajar dipenuhi, guru perlu bertindak mempelbagaikan gaya pengajaran mereka. Impak daripada kepekaan guru kepada gaya pembelajaran pelajar, berupaya membuka ruang kepada para guru membantu pelajar-pelajarnya mengatasi kelemahan dan masalah pembelajaran mereka.

Penyelidikan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar ADHD dalam program bermasalah pembelajaran di sekolah menengah amat penting dilaksanakan. Aspek gaya pembelajaran perlu dikaji kerana aspek ini merupakan asas penting dan relevan dalam menganalisis ciri-ciri keperluan pelajar. Ini adalah kerana semua individu mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza, yang mempengaruhi pemikiran, sikap dan pendekatan seseorang individu terhadap pembelajaran dan cara memproses maklumat (Reif, 2007). Menurut Shahabuddin Hashim dan Rohizani Yaakub (2003), gaya pembelajaran adalah penting untuk dikaji kerana gaya pembelajaran dimiliki oleh pelajar secara individu. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri yang harus dieksploitasi sepenuhnya bagi meningkatkan pencapaian semua pelajar. Oleh sebab itu, dapatan kajian ini adalah penting kepada pendidikan formal sehari-hari pelajar ADHD dalam usaha mengoptimum keupayaan mereka demi menzahirkan kebolehan diri dan ketrampilan mereka dalam kehidupan yang lebih bermakna. Ini kerana pengetahuan tentang gaya pembelajaran pelajar ADHD akan dapat mendorong mereka meningkatkan prestasi belajar yang lebih baik melalui amalan yang betul dan mengetahui masalah gangguan atau halangan belajar pelajar ADHD di dalam kelas. Seterusnya dapat membantu para guru mendidik pelajar ADHD mengatasi permasalahan tersebut.

Di samping itu, dapatan kajian ini sudah pasti dapat membantu memudahkan guru merangka aktiviti yang perlu dan sepadan dengan kehendak dan keupayaan gaya pembelajaran pelajar ADHD serta menjadi rangka rujuk kepada ibu bapa yang mempunyai anak ADHD untuk menangani masalah pembelajaran anak mereka. Selain itu, dapatan kajian ini diyakini dapat membantu guru mewujudkan dan meningkatkan tingkah laku pembelajaran yang positif dan memperbaiki daya tumpuan pelajar ADHD serta mengatasi permasalahan tingkah laku lain seperti bertindak agresif tanpa berfikir, sukar mematuhi arahan, gagal menyiapkan tugas dan aktiviti motor yang keterlaluhan (Mash & Wolfe, 2002; Turkington & Harris, 2003).

Maklumat tentang gaya pembelajaran berkepentingan untuk membantu guru mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar supaya pengajaran yang disampaikan dapat memenuhi perbezaan yang ada pada setiap pelajar. Menurut Reif (2007), kesedaran dan kepekaan terhadap gaya pembelajaran ini menjadikan guru lebih bersedia untuk mengajar semua pelajar, terutamanya yang menghadapi masalah akademik, emosi dan tingkah laku di dalam bilik darjah. Di samping itu, guru yang mengajar pelajar ADHD perlu menggunakan pelbagai strategi yang efektif dan memberi idea mempelbagaikan kaedah pengajaran. Oleh itu, dapatan kajian ini juga dapat membantu guru merangka strategi pengajaran yang bersesuaian dan diperlukan untuk mempertingkatkan potensi diri pelajar ADHD. Ini menjelaskan bahawa dapatan kajian ini akan menjadi rujukan dan panduan kepada para guru untuk merangka aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih mantap, yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak sebenar pelajar ADHD yang berbeza-beza dan “menghormati” kekurangan mereka.

Selain itu, adalah diyakini bahawa dapatan kajian ini amat membantu dalam pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) iaitu dapat memberi maklumat yang tepat berkaitan cara berkesan pelajar ADHD memperoleh dan mengumpul maklumat serta kemahiran kepada Jawatankuasa RPI khususnya guru dan ibu bapa. Seterusnya dapatan kajian dapat menjadi bahan rujukan kepada Jawatankuasa RPI untuk merangka strategi dan aktiviti RPI yang lebih berkesan kepada pelajar ADHD.

Dapatan kajian berkaitan gaya pembelajaran ini juga diharap berupaya menjadi rujukan dan garis panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, ahli profesional pelbagai disiplin, pelajar jurusan Pendidikan Khas dan ibu bapa dalam usaha memantapkan pembangunan insaniah agar lebih berkualiti dan mantap dalam kalangan pelajar ADHD. Dapatan kajian ini juga berupaya menjadi garis panduan yang bersesuaian kepada pihak pembuat dasar untuk merangka satu bentuk rancangan atau dasar pendidikan yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan sebenar pelajar ADHD ke arah pembentukan konsep sendiri positif dan mempertingkatkan potensi diri pelajar ADHD ke tahap yang optimum. Ini penting bagi merealisasikan matlamat melahirkan generasi yang berwibawa dan berketrampilan, yang bukan sahaja dapat berdikari tetapi juga dapat menyumbang kepada pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.

Di samping itu, pelajar ADHD juga dapat memahami kecenderungan kekuatan dan kelemahan sendiri dalam gaya pembelajaran yang diamalkan oleh mereka. Kebanyakan pelajar yang mengalami masalah ADHD lemah dalam pencapaian akademik (Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad, 2011a). Hal ini ada kaitannya dengan ketidakupayaan yang mereka alami seperti sukar memberi tumpuan, kurang

kawalan diri, kesukaran menjalani aktiviti peralihan, mudah terangsang dengan tingkah laku agresif, pelupa dan mengalami perasaan mudah kecewa. Di samping itu, pelajar ADHD juga memiliki sifat yang positif seperti bersifat kata hati, sifat ingin tahu dan mempunyai bakat tertentu (Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad, 2011a). Lantaran itu, langkah mengintegrasikan gaya pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar ADHD dijangkakan dapat membantu mereka menangani masalah yang mereka hadapi dan membantu perkembangan tingkah laku pembelajaran seterusnya meningkatkan prestasi akademik pelajar. Secara tidak langsung, integrasi atau kesepaduan gaya pembelajaran menjadi sebagai salah satu langkah psikoterapi yang berkesan bagi mengurangkan permasalahan pelajar ADHD.

Di samping itu, dapatan kajian ini diyakini dapat memberi manfaat kepada peningkatan kualiti aktiviti pengajaran dan pembelajaran pelajar ADHD khususnya dalam program khas bermasalah pembelajaran. Oleh yang demikian, kajian ini akan menjadi asas kepada penyelidik di Malaysia membuat kajian yang seterusnya berkaitan dengan kajian pelajar ADHD. Di samping itu, dapatan kajian ini akan membantu dalam pembinaan modul pengajaran dan pembelajaran pelajar ADHD mengikut konteks yang bersesuaian dengan sosiobudaya dan falsafah pendidikan di Malaysia.

Tinjauan penyelidik mendapati penyelidikan yang memberi fokus kepada pelajar ADHD adalah agak terhad dalam konteks penyelidikan di Malaysia. Oleh itu, kajian ini adalah merupakan pelopor bagi kajian-kajian akan datang dan juga merupakan sumber yang dapat menambah baik dapatan kajian terdahulu terhadap faktor yang dikaji. Untuk itu adalah diharapkan agar kajian ini nanti akan dapat memberi gambaran yang lebih terperinci mengenai faktor-faktor yang berhubungkait dengan perkembangan pelajar



ADHD selain daripada faktor-faktor yang telah dikaji oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Seterusnya, dapatan kajian diyakini dapat menjadi asas kepada pelaksanaan kajian-kajian seterusnya.

#### **1.4 Rasional Kajian**

Setiap pelajar mempunyai cara belajar yang tersendiri (K.A. Razhiyah, 2009). Ini menunjukkan setiap pelajar ADHD belajar dengan cara yang berbeza iaitu mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza-beza. Oleh yang demikian, memahami gaya pembelajaran pelajar ADHD dapat membantu guru pendidikan khas membina asas cara atau kaedah yang bersesuaian untuk mengajar mereka. Di samping itu, tindakan guru mengenal pasti dan memahami gaya pembelajaran pelajar ADHD adalah penting bagi mempertingkatkan keupayaan pelajar ADHD untuk belajar di samping dapat menyemai tingkah laku pembelajaran berkualiti yang penting dalam proses membantu mereka belajar dengan lebih baik dan cemerlang di sekolah.

Selain itu, aspek ini adalah penting bagi menangani kriteria utama pelajar ADHD yang dikenal pasti mempunyai daya tumpuan singkat, bersikap hiperaktif dan impulsif. Ini adalah kerana gejala tersebut menyukarkan pelajar ADHD memberi tumpuan kepada pengajaran guru di kelas, mematuhi arahan dan mengalami kesukaran menghabiskan sesuatu tugas yang diarahkan. Mereka juga sering mengalami kesukaran bersosial dengan orang lain di persekitarannya. Ciri-ciri yang ditunjukkan oleh pelajar ADHD

tersebut jelas mengganggu kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Secara teorinya keupayaan ini menjadi satu kekurangan kepada pelajar ADHD, oleh yang demikian Nigg (2006), mencadangkan agar persekitaran mereka dipermudahkan atau mengubahsuai aktiviti dan penggunaan alatan. Cadangan ini adalah bagi mempertingkatkan keberkesanan aktiviti yang dijalankan khususnya ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Langkah ini dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan apabila aspek gaya pembelajaran pelajar ADHD diambilkira dan diperincikan. Ini bertepatan dengan penjelasan Gregg (2009), bahawa dapatan beberapa kajian menunjukkan pelajar bermasalah pembelajaran termasuk pelajar ADHD adalah berbeza dalam segala aktiviti yang dilaksanakan secara auditori, visual dan memahami sesuatu perkara pada tahap yang tinggi.

Seterusnya, bagi memenuhi keperluan individu, proses pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran atau pelajar ADHD bagi konteks kajian ini dibentuk secara fleksibel dan ini bertepatan dengan Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, yang menyatakan bagi maksud melaksanakan Pendidikan Khas, seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada:

- (a) kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran,
- (b) masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti,
- (c) susunan aktiviti, dan
- (d) bahan bantu mengajar.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013, ms 6).

Sehubungan dengan itu, bagi mencapai matlamat memberi pendidikan yang bersesuaian dan memastikan pelajar ADHD dapat belajar mengikut kemampuan dan keperluan mereka, para pendidik perlu lebih prihatin terhadap perbezaan individu yang wujud dalam kalangan pelajar ADHD yang berkait rapat dengan aspek gaya pembelajaran. Pemilihan aktiviti pengajaran yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelajar ADHD dapat membantu mereka mengembangkan penumpuan yang lebih baik dan menyemai tingkah laku pembelajaran yang lebih positif.

Oleh yang demikian, secara tidak langsung kajian ini adalah rasional dijalankan. Tambahan pula, kajian ini adalah merupakan antara kajian terawal dalam bidang ini di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga perlu dijalankan untuk memperoleh maklumat yang lebih mendalam mengenai faktor-faktor yang berhubungkait dan membantu ke arah perkembangan tingkah laku pembelajaran pelajar ADHD. Maklumat mengenai perkaitan di antara faktor-faktor yang dikaji adalah penting bagi memberi pendedahan kepada ibu bapa, guru-guru dan masyarakat seluruhnya serta pihak yang bertanggungjawab untuk lebih bersedia dan memahami tentang faktor-faktor yang menyumbang ke arah perkembangan dan keperluan pelajar ADHD berasaskan kepada keupayaan mereka. Seterusnya, dapatan kajian ini dapat membantu pihak pentadbiran dan guru-guru melakukan persediaan awal bagi membuat perancangan kurikulum yang bersesuaian dengan keperluan dan keupayaan setiap individu pelajar ADHD.

Dapatan atau hasil kajian pula diharapkan dapat memberi maklumat dan seterusnya menambahkan kepekaan ibu bapa, guru-guru dan masyarakat seluruhnya tentang apakah gaya pembelajaran pelajar ADHD serta kepelbagaian faktor yang penting dalam mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar ADHD seterusnya pengaruh

gaya pembelajaran ke atas pola tingkah laku pembelajaran pelajar. Perkembangan pembelajaran pelajar ADHD perlu diberi perhatian sewajarnya untuk mengelak daripada kesilapan merangka strategi dan kaedah pengajaran untuk golongan pelajar ini. Dapatan kajian pastinya dapat menambah maklumat dan pengetahuan kepada guru-guru, ibu bapa atau pihak yang berkaitan untuk menyediakan pendidikan yang bersesuaian mengikut keperluan dan kemampuan setiap individu pelajar ADHD.

## **1.5 Pernyataan Masalah**

Perbincangan berkaitan gaya pembelajaran pelajar ADHD adalah isu yang penting dalam menjana perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor mereka ke tahap yang paling optimum. Gaya pembelajaran adalah cara bagaimana seseorang mendapatkan dan mengekalkan maklumat atau kemahiran tanpa mempertikaikan bagaimana proses itu diterangkan dan amat berbeza bagi setiap individu (Dunn, 2009). Secara umumnya, teori gaya pembelajaran mengandaikan semua orang berupaya belajar walaupun dalam cara yang berbeza dan pada tahap yang berbeza (Boström & Hallin, 2013). Sebenarnya, cara seseorang itu belajar amat bergantung pada personaliti individu tersebut kerana dimensi penting dalam gaya pembelajaran adalah merujuk kepada perbezaan individu. Oleh sebab itu, tidak ada satu cara atau gaya pembelajaran yang amat sesuai untuk semua pelajar (Ee Ah Meng, 1995). Aspek ini juga membabitkan gaya pembelajaran pelajar ADHD dalam program khas bermasalah pembelajaran.

Perbezaan individu adalah elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Bilgin & Durmus, 2003). Perbezaan individu adalah merujuk kepada ciri-ciri demografi seseorang individu itu. Dapatan kajian terdahulu tentang gaya pembelajaran membuktikan bahawa faktor demografi seperti jantina, umur, status sosial dan ekonomi (SES) dan pencapaian seseorang pelajar mempengaruhi pola dominasi gaya pembelajaran mereka. Contohnya, Mangino (2004) menegaskan bahawa komposisi genetik, faktor jantina, etnik, umur, intuisi, perasaan, kebolehan membuat keputusan dan bermasalah pembelajaran mempengaruhi gaya pembelajarannya. Manakala Shahabudin dan Rohizani (2003), menjelaskan bahawa antara faktor yang mempengaruhi gaya pembelajaran adalah taraf sosioekonomi, kognitif dan alam sekitar. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar dengan persekitaran sekolah, pencapaian akademik, jantina, umur dan sikap (Bilgin & Durmus, 2003). Merujuk kepada kepentingan dan pengaruh faktor demografi tersebut terhadap gaya pembelajaran, penyelidik mengandaikan faktor-faktor tersebut adalah keutamaan dalam proses meneroka dimensi gaya pembelajaran dan kesepaduannya ke atas tingkah laku pembelajaran pelajar ADHD.

Di samping itu, ADHD merujuk kepada kepelbagaian kurang upaya kognitif, psikiatrik, pendidikan, emosi, dan sosial (Grönlund, Renck & Weibull, 2006). Aspek-aspek tersebut adalah berkaitan dengan sistem neurologi. Secara khususnya menunjukkan bahawa pelajar ADHD adalah golongan pelajar yang mengalami kecelaruan sistem neurologi. Akibat daripada kecelaruan tersebut menyebabkan mereka mengalami kurang upaya untuk memberi tumpuan, mematuhi arahan dan mengawal tingkah laku yang dianggap keterlaluan yang telah menjadi gangguan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, tanpa menilai gaya pembelajaran

yang digemari pelajar ADHD, guru didapati sering berkecenderungan mengawal dan menghadkan aktiviti pengajarannya kerana terganggu dengan ciri-ciri pelajar ADHD. Menurut Salvia dan Ysseldyke (2004), ciri-ciri ADHD pada seseorang pelajar merupakan antara faktor yang menyumbang kepada wujudnya masalah akademik dan tingkah laku di sekolah. Ciri-ciri pelajar ADHD yang telah dikenalpasti mengganggu aktiviti pengajaran dan pembelajaran ialah tidak dapat memberi tumpuan kepada aktiviti pengajaran, bergerak atau merayau-rayau tanpa tujuan di dalam kelas, berusaha mendominasi perhatian guru, mudah bertindak agresif, sukar mematuhi arahan, dan sukar menyelesaikan tugas dengan baik.

Permasalahan tersebut menjadi satu cabaran kepada proses pengajaran dan pembelajaran pelajar ADHD dalam program khas bermasalah pembelajaran. Cabarannya adalah untuk mengenal pasti dan mengetahui serta memahami suatu pola pengajaran yang dapat mempertingkatkan kualiti dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar bermasalah pembelajaran iaitu pelajar ADHD. Justeru itu, langkah bagi menangani permasalahan tersebut ialah dengan mengidentifikasikan ciri-ciri perbezaan dan gaya pembelajaran pelajar ADHD. Menurut Bowring-Carr dan West-Burnham (1999), jika strategi guru tidak sehaluan dengan gaya pelajar belajar, akan berlaku ketidakseragaman yang mengakibatkan kurangnya kesefahaman. Kesannya pelajar-pelajar tidak dapat menggunakan potensi diri mereka dengan lebih efektif dan optimum bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan.

Kepentingan menganalisis ciri-ciri pelajar yang merujuk kepada gaya belajar yang mereka gemari adalah tidak dapat dinafikan. Menganalisis ciri-ciri pelajar adalah penting kerana menurut Dunn dan Dunn (1978), guru dapat membantu pelajarnya

belajar dengan lebih berkesan apabila dapat mengenalpasti gaya pembelajaran mereka. Ini adalah kerana, pelaksanaan suatu pengajaran dan pembelajaran yang sistematik juga bergantung kepada keperluan, kehendak dan kebolehan pelajar serta mengurangkan gangguan ataupun ketidakupayaan pelajar ADHD. Misalnya, kebanyakan pelajar ADHD dikatakan mempunyai masalah menerima maklumat dalam bentuk auditori (Morton, 2011). Walaupun mereka boleh mendengar, mereka didapati sukar memahami apa yang mereka dengar. Ketidakupayaan inilah yang menyebabkan mereka sukar memberi tumpuan dan agak selektif kepada kemahiran memberi tumpuan.

Selain itu, pelajar ADHD dalam konteks pendidikan di Malaysia adalah pelajar bermasalah pembelajaran yang tergolong dalam kumpulan pelajar dengan keperluan khas yang memerlukan pendidikan berteraskan kurikulum alternatif yang diubahsuai dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Bertepatan dengan Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997, yang telah menyatakan keperluan guru mengubahsuai kaedah atau teknik pengajaran atau pembelajaran, masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai tujuan dan matlamat pendidikan khas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997). Untuk merencanakan matlamat tersebut memerlukan guru memahami keperluan pelajar agar dapat membantu guru merancang aktiviti bagi proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif seterusnya membantu pelajar belajar dengan berkesan dan berjaya.

Setiap pelajar ADHD adalah amat unik dan istimewa yang pastinya mempunyai personaliti dan ciri-ciri yang amat ketara berbeza. Justeru, gaya pembelajaran mereka juga berbeza mengikut individu. Kewujudan gaya pembelajaran yang kompleks dalam kalangan individu pelajar ADHD di dalam sesebuah kelas memerlukan kajian yang lebih

terperinci tentang bagaimana cara mereka menerima dan memproses maklumat yang diterima daripada persekitarannya. Selain diyakini dapat memantapkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti pengajaran guru, langkah memberi penekanan dan mengaplikasikan gaya pembelajaran juga berupaya mengurangkan gangguan-gangguan atau ketidakupayaan yang dialami oleh pelajar ADHD semasa proses pembelajaran berlangsung. Sehubungan dengan itu, mengetahui dan memahami gaya pembelajaran pelajar ADHD merupakan kunci penting ke arah menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan kepada guru dan membentuk perkembangan tingkah laku pembelajaran pelajar yang lebih positif. Menurut Shahabuddin Hashim dan Rohizani Yaakub (2003), guru-guru perlu menyediakan suasana pembelajaran yang selari dengan kehendak sesuatu gaya pembelajaran pelajar. Impak daripada kepekaan guru kepada gaya pembelajaran pelajar adalah berupaya membuka ruang kepada para guru membantu pelajar-pelajarnya mengatasi kelemahan dan masalah pembelajaran mereka.

Oleh yang demikian, mengetahui dan memahami cara bagaimana seseorang pelajar ADHD belajar dapat mempertingkatkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran merupakan permasalahan yang wajar ditangani bagi menghasilkan pembelajaran yang lebih bermakna kepada pelajar ADHD. Bagi mencapai matlamat ini, fokus penyelidikan adalah untuk melihat aspek multielemen gaya pembelajaran yang mana juga merupakan satu daripada aspek-aspek penting ciri perbezaan individu yang mempamer ciri-ciri yang berbeza dari segi kebolehan, kemampuan, minat, gaya belajar, cara menerima dan memberikan tindak balas terhadap sesuatu rangsangan. Ini menunjukkan bahawa penggunaan satu jenis pengalaman pengajaran adalah kurang sesuai bagi tiap-tiap



pelajar di dalam sesebuah kelas. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada masalah-masalah dibincangkan, kajian yang menyelidik gaya pembelajaran dan kaitannya dengan proses pengajaran dan pembelajaran perlu dijalankan jika ingin mendapatkan gambaran yang lebih terperinci tentang gaya pembelajaran pelajar ADHD terutamanya dalam konteks pendidikan dan sosiobudaya tempatan.

Selaras dengan itu, kajian ini akan mengkaji apakah gaya pembelajaran pelajar ADHD dalam program khas bermasalah pembelajaran. Kepelbagaian ciri kurang upaya pelajar ADHD menjadikan keperluan seseorang pelajar ADHD dengan pelajar yang lain adalah amat berbeza dan ketara. Sementara itu, tingkah laku hiperaktif, emosi yang tidak stabil dan kurang tumpuan yang keterlaluan dalam kalangan pelajar ADHD sering kali dilaporkan oleh guru sebagai gangguan dan kekangan untuk mencapai objektif proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, sekiranya gaya pembelajaran mereka dikenal pasti dengan tepat, pastinya perkhidmatan dan pendidikan yang bersesuaian dan diperlukan oleh pelajar-pelajar ini dapat diberikan sepenuhnya.

Sesungguhnya, pengetahuan mengenai gaya pembelajaran amat memberi faedah kepada guru-guru dan ibu bapa menangani pelajar ADHD. Di samping itu, menurut Shahabudin Hashim, Mahani Razali, dan Ramlah Jantan (2003), pengetahuan guru tentang gaya pembelajaran dapat membantu pelajar mengenal pasti kecenderungan gaya pembelajaran masing-masing. Gaya pembelajaran ialah satu konsep multidimensi terhasil daripada saling bertindak pemboleh ubah. Menurut Dunn dan Dunn (1978), lima pemboleh ubah yang dikenal pasti yang membentuk gaya pembelajaran ialah persekitaran, sosial, emosi, fisiologi dan psikologi. Justeru, persekitaran, sosial, dan fisiologi yang berubah seiring dengan perubahan pembangunan manusia dan teknologi

yang melonjak pada zaman globalisasi kini pastinya merubah cara seseorang mendapat dan mencari maklumat. Pelajar ADHD juga tidak terkecuali dalam mengharungi fenomena ini. Faktor ini menjelaskan pentingnya pengetahuan dan pemahaman tentang gaya pembelajaran seseorang pelajar khususnya pelajar ADHD ke arah pembentukan tingkah laku pembelajaran yang lebih positif.

## **1.6 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar ADHD dalam program khas bermasalah pembelajaran di sekolah menengah. Secara khususnya, kajian ini bertujuan:

(a) **Objektif 1**

Untuk mengenal pasti apakah gaya pembelajaran yang dominan dalam kalangan pelajar ADHD di sekolah menengah mengikut persepsi guru.

(b) **Objektif 2**

Untuk mengenal pasti sama ada terdapat kesepaduan gaya pembelajaran ke atas tingkah laku pembelajaran dalam kalangan pelajar ADHD di sekolah menengah.

(c) **Objektif 3**

Untuk mengenal pasti sama ada terdapat elemen-elemen gaya pembelajaran lain yang mendominasi tingkah laku pembelajaran dalam kalangan pelajar ADHD di sekolah menengah.

(d) Objektif 4

Untuk mengenalpasti sama ada terdapat kesan faktor demografi iaitu jantina, etnik dan status sosio-ekonomi (SES) ke atas gaya pembelajaran pelajar ADHD di sekolah menengah.

(e) Objektif 5

Untuk mengenalpasti sama ada terdapat kesan faktor pendidikan ibu bapa ke atas gaya pembelajaran pelajar ADHD di sekolah menengah.

(f) Objektif 6

Untuk mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara faktor umur dan faktor prestasi kognitif dengan elemen gaya pembelajaran pelajar ADHD di sekolah menengah.

(g) Objektif 7

Untuk mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh faktor umur dan faktor prestasi kognitif ke atas gaya pembelajaran pelajar ADHD di sekolah menengah.

(h) Objektif 8

Untuk mengenal pasti sama ada ciri ADHD sebagai pemboleh ubah moderator mempengaruhi hubungan antara faktor umur dan faktor prestasi kognitif dengan gaya pembelajaran pelajar ADHD di sekolah menengah.